

# **BAB 3**

### **3.1 DEFINISI DAN KONSEP NASIONALISME MENURUT ISLAM**

Islam adalah satu agama yang bersifat universal yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh manusia tanpa mengira bangsa, keturunan, warna kulit dan sebagainya. Hakikatnya terbukti apabila orang Islam berada di seluruh dunia, yang mana mereka terdiri dari pelbagai bangsa, bahasa, warna kulit, budaya dan sebagainya. Justeru itu, orang Islam akan merasakan bahawa mereka adalah sama di sisi Allah SWT sebagai makhluk dan hamba. Allah SWT telah menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW diutuskan bukanlah hanya untuk bangsa Arab sahaja, bahkan baginda diutuskan untuk seluruh manusia hingga hari kiamat kerana baginda adalah merupakan Nabi yang terakhir. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:<sup>1</sup>

Maksudnya;

Dan Kami (Allah) tidak mengutuskan kamu (Muhammad) melainkan kepada umat manusia seluruhnya, sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan. Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Pada dasarnya Islam ditegakkan atas dasar dan konsep agama tanpa dicampuradukkan dengan konsep kebangsaan atau apa juga perasaan yang mengehadkan dan membatasi kesyumulan atau keuniversalannya. Namun, Islam tidak menolak hakikat wujudnya pelbagai bangsa dan suku kaum di kalangan manusia yang mana ianya akan mewujudkan perasaan taat setia seseorang itu kepada bangsanya. Ianya adalah perkara yang semula jadi atau fitrah manusia dan Islam tidak menolak atau cuba untuk menghapuskannya. Namun demikian, Islam tidak membenarkan perasaan taat setia seorang Islam

terhadap bangsa atau kaumnya itu melebihi dan mengatasi taat setianya kepada Islam itu sendiri sebagai agamanya serta pegangan hidupnya. Konsep ini dijelaskan di dalam al-Quran :<sup>2</sup>

Maksudnya;

Wahai manusia sesungguhnya Kami (Allah) telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengerti.

Ini diperkuuhkan lagi dengan perasaan kasih dan sayangnya baginda Rasulullah SAW terhadap bangsa, bahasa dan kebudayaan Arab seperti mana yang telah dijelaskan di dalam hadith Rasulullah SAW:<sup>3</sup>

Maksudnya;

Kasihilah orang-orang Arab kerana tiga perkara, kerana aku adalah seorang Arab, al-Quran dalam bahasa Arab dan bahasa penghuni syurga adalah bahasa Arab.

Di dalam peristiwa yang lain, apabila orang-orang Arab dari puak Bakr bin Wa'il telah berjaya menewaskan pasukan tentera Parsi di Dhu Oar iaitu kawasan padang pasir yang mengandungi air di sebelah utara Semenanjung Tanah Arab berhampiran dengan Kota Kufah pada tahun 610 Masihi, lalu baginda Rasulullah SAW menerima berita itu dengan perasaan gembira dan berkata : "Ini adalah hari pertama di mana orang-orang Arab mencapai kepuasan daripada orang-orang Parsi dan dengan akulah mereka itu (bangsa Arab) mencapai kemenangan."<sup>4</sup>

Fakta-fakta sejarah telah menunjukkan bahawa di dalam seruan dakwah baginda Rasulullah SAW, baginda tidak pernah menghalang atau cuba menghapuskan perasaan kesukuan atau kebangsaan orang-orang Arab, selagi mana ianya tidak terkeluar dari batasan dan juga had-had yang telah ditentukan oleh Islam. Ianya dapat dilihat apabila baginda cuba mencari sokongan dari suku kaum orang-orang Arab dari puak Quraisy, kemudiannya dari suku kaum Aus dan Khazraj, penduduk Kota Madinah (Yathrib) bagi mendapatkan sokongan dari mereka. Apabila Kota Mekah ditawan oleh baginda Rasulullah SAW dan juga orang-orang Islam, ramai di kalangan kabilah Arab di Semenanjung Arab telah menerima Islam dan mengiktiraf kepimpinan baginda Rasulullah SAW, lalu mereka telah menggembung tenaga untuk menentang tentera-tentera Rom di Utara Tanah Arab.<sup>5</sup>

Setelah kewafatan baginda Rasulullah SAW, perjuangan bangsa Arab dalam membantu mengembangkan syiar Islam diteruskan oleh khulafa' al-Rasyidin. Namun, semangat kebangsaan yang telah wujud itu telah berubah apabila pucuk pimpinan Islam selepas Khulafa' al-Rasyidin, tidak lagi mengamalkan konsep syura bahkan ianya hanya mementingkan kekeluargaan dan jawatan pimpinan dijadikan sebagai jawatan warisan, selain ianya hanya mementingkan puak-puak dan suku-suku tertentu dengan mengetepikan puak atau suku kaum yang lain. Ianya telah mewujudkan semangat perkauman dan semangat kebangsaan yang melampau sehingga menyebabkan perpecahan, permusuhan dan perang sesama mereka seperti yang berlaku semasa di

akhir pemerintahan kerajaan Bani Umayyah (40H/681M – 132H/749M). Ianya telah menjadi salah satu faktor dan penyebab jatuhnya kerajaan Bani Umayyah.<sup>6</sup>

Menurut George Antonius dalam *The Arab Awakening* (1938), gerakan nasionalisme moden pertama kali di dunia Islam bermula di Beirut pada tahun 1875 secara rahsia. Gerakan kebangsaan ini menular secara perlahan tetapi menusuk kerana beberapa faktor pemudahnya, di antara faktor-faktor tersebut ialah :

i) Kemerosotan Pemerintahan Othmaniyyah.

Ini adalah era modenisasi dan reformasi untuk memilih dan menerima idea-idea barat yang munasabah tetapi perlaksanaan yang tidak dikawal dan penghayatan Islam yang semakin lemah memudahkan segala jenis budaya barat yang tidak tersaring langsung diimport masuk ke dalam wilayah Islam. Perluasan kuasa barat ke atas negara-negara Islam amat ketara sekali apabila Perancis melancarkan perang ke atas Mesir pada tahun 1789.

ii) Peranan Misionaris Eropah dan Amerika.

Mereka menubuhkan Syrian Protestant College (sekarang American University Of Beirut) dan University Of St. Joseph yang telah diasaskan pada

1866 dan 1875. Menurut George Antonius, Syrian Protestant College ini telah bertanggungjawab melahirkan nasionalisme Arab buat pertama kalinya. Terdapat beberapa faktor sampingan lain yang memudahkan nasionalisme bersarang di rumah orang-orang Islam. Antaranya ialah sentimen anti Turki yang bermula di Lubnan, idea-idea politik kesan dari Revolusi Perancis, kebangkitan semula bahasa Arab yang melibatkan percetakan akhbar-akhbar Arab, perjalanan orang-orang Arab yang lebih jauh ke dunia barat, dan kepulangan semula para penghijrah Arab setelah lama mereka tinggal di Amerika. Namun, tidak ada yang lebih besar sumbangannya, melainkan kewujudan kelab-kelab sastera Arab oleh kumpulan-kumpulan pelajar dan para siswazah di universiti-universiti yang ditaja oleh misionaris.<sup>7</sup>

Selepas itu, orang-orang Arab Kristian telah menuntut autonomi dari pentadbiran kerajaan Othmaniyyah di Istanbul kerana mereka kurang selesa dengan gaya tradisional dan ketinggalan zaman kerajaan Turki. Mereka telah banyak dipengaruhi oleh idea-idea Barat yang kononnya membawa kemajuan. Secara tidak langsung, para intelek Islam turut menyokong tuntutan mereka. Suatu catatan sejarah yang besar telah berlaku apabila belia Turki telah menujuhan *The Committee Of Union and Progress* yang kemudiannya berdepan dengan masalah belia Arab. Pemungkiran janji yang dibuat di *Paris Congress Of 1907* telah mencetuskan kegelisahan dan kekecewaan kepada mereka.<sup>8</sup>

*Jam'iyyah al-'Arabiyyah al-Fatat* yang telah diasaskan di Paris pada 1909 adalah pertubuhan pertama yang tersusun dan meletakkan rahsia besarnya iaitu untuk memisahkan negara-negara Arab dari pemerintahan Turki. Sesungguhnya pertubuhan-pertubuhan ini tidak menyatakan matlamat mereka secara terang kerana pada masa yang sama gerakan reformasi Islam lebih bertenaga. Tokoh-tokoh reformis Islam seperti Jamaluddin al Afghani (1839-1897), Syeikh Muhammad Abduh (1849-1905) dan Abdul Rahman al Kawakibi (1849-1903) lebih lantang untuk mengkritik dan menunjukkan penentangan mereka terhadap tradisionalisnya kerajaan Othmaniyyah.<sup>9</sup>

Gerakan nasionalisme al Fatat telah menjadi lebih perlahan dan berahsia kerana idea solidariti Jamaluddin el-Afghani dan rakan-rakannya tidak menolak nasionalisme. Syeikh Muhammad Abduh pula menganggap bahawa cinta bangsa dan negara itu sebagai tanggungjawab agama. Manakala menurut al-Kawakibi pula, beliau menyatakan bahawa ada bezanya antara Arab dan bukan Arab dalam komuniti Islam. Perbezaan antara reformis Islam dan sekular nasionalis adalah jelas, yang mana reformis Islam mempercayai pemulihian agama atau “*tajdid*” dari kepercayaan yang lapuk dan khayalan untuk memungkinkan semula kebangkitan Islam berbeza dengan pandangan Ibrahim al Yaziji dan Nagib Azouri yang mahu terus memisahkan realiti agama dari tindak-tanduk ‘*national*’ itu sendiri.<sup>10</sup>

### **3.2 ASABIYAH MENURUT ISLAM**

Perkataan asabiyah adalah berasal dari perkataan “*Asab*” (عصب) yang bermakna menambat, mengikat dan memintal sesuatu.<sup>11</sup> Ianya juga bermakna berkumpul.<sup>12</sup> Asabiyah juga telah ditakrifkan seperti berikut:<sup>13</sup>

- a) Asabiyah : Seseorang yang terikat dengan kumpulannya atau jemaahnya serta bersungguh-sungguh pula memberikan pertolongan di samping taksub dengan dasar-dasarnya dan mereka ini bersepakat atas kezaliman. Asabiyah juga membawa maksud kerabat atau kaum keluarga dari sebelah bapanya. Kekacauan atau tekanan dalam pemikiran yang membawa kepada perasaan cepat marah dan seumpamanya.
- b) Kegelisahan dalam pemikiran yang menyebabkan timbulnya perasaan marah atau seumpamanya.
- c) Taksub : Tidak menerima kebenaran walaupun telah jelas kebenarannya.
- d) Asabiyyun : Menolong kumpulannya atas perkara kezaliman dan memarahi serta membenci sesuatu kerana kebencian kumpulannya itu.
- e) Al-Asabah : Satu kumpulan, kaum atau puak, satu kumpulan manusia yang berkumpul bagi kaum tersebut dan memberi pertolongan kepadanya.

- f) Al-Usbah : Sekumpulan atau Satu keturunan manusia atau haiwan. Satu kumpulan (jemaah) atau puak manusia, sekumpulan kuda atau burung. Ibnu Abbas menyatakan bahawa maksud al-Usbah ini adalah al-jamaah atau kumpulan.
- g) Asib : Berkumpul dan melingkungi dengannya. Ia juga memberi maksud dahsyat dan berbahaya.

Perkataan-perkataan asabiyah ini juga banyak disebutkan di dalam al-Quran seperti berikut :

- i) Firman Allah SWT:<sup>14</sup>

Maksudnya;

Sesungguhnya Qarun itu termasuk kaum Nabi Musa, maka ia berlaku aniaya terhadap mereka dan Kami(Allah) menganugerahkan kepadanya perbendaharaan harta yang anak kuncinya berat dipikul oleh al-Usbah (kumpulan) orang kuat.

Ibnu Abbas berpendapat bahawa maksud “Usbah” adalah al-Jamaah yang mengandungi antara 10 hingga 40 orang.<sup>15</sup>

- ii) Firman Allah SWT:<sup>16</sup>

Maksudnya;

Ketika mereka berkata : Sesungguhnya Yusuf dan saudara kandungnya (Bunyamin) lebih dicintai oleh ayah kita dari kita sendiri. Padahal kita adalah satu Usbah. (satu kumpulan atau golongan).

- iii) Firman Allah SWT:<sup>17</sup>

Maksudnya;

Mereka berkata: Jika dia dimakan oleh serigala, padahal kami Usbah (satu kumpulan) sesungguhnya kami, kalau begitu adalah orang-orang yang rugi.

iv) Firman Allah SWT:<sup>18</sup>

Maksudnya;

Sesungguhnya orang yang membawa berita bohong itu adalah dari usbah kamu juga.

Asabiyah juga telah dinyatakan di dalam hadith Rasulullah SAW :<sup>19</sup>

i) Maksudnya;

Sesiapa yang keluar dari ketaatan dan berpisah dari jemaah lalu mati, maka matinya itu adalah mati jahiliah. Dan sesiapa yang berpegang di bawah bendera (*panji-panji kesesatan*) iaitu ia marah kerana asabah atau menyeru kepada asabah atau menolong asabah, maka matinya itu adalah mati jahiliah.

ii) Maksudnya;

Bukan dari golongan kami orang yang menyeru kepada asabiyah dan bukan dari golongan kami orang yang berperang (berjuang) di atas dasar asabiyah dan bukan dari golongan kami orang yang mati di atas dasar asabiyah.<sup>20</sup>

iii) Maksudnya;

Apabila Rasulullah SAW ditanya oleh seorang lelaki : Wahai Rasulullah, adakah daripada asabiyah jika seseorang itu kasih akan kaumnya?. Baginda menjawab : Tidak! Tetapi asabiyah itu adalah seseorang yang menolong kaumnya di atas kezaliman.<sup>21</sup>

iv) Maksudnya;

Daripada Bintu Wathilah bin al-Asyqa', Sesungguhnya beliau mendengar bapanya berkata: Aku bertanya : "Wahai Rasulullah, apakah asabiyah itu?. Sabda baginda: Bahawa kamu menolong kaum kamu di atas kezaliman".<sup>22</sup>

Kesemua hadith di atas telah menjelaskan tentang asabiyah iaitu sikap atau fahaman yang disandarkan kepada pertolongan kaum sendiri yang

melakukan kezaliman kerana asabiyah itu adalah merupakan amalan Jahiliah yang sentiasa bercanggah dengan kebenaran serta tunduk kepada kebatilan dan ketidakadilan.

Sebelum kedatangan Islam, bangsa Arab telah hidup secara kabilah dan bersuku-suku yang mana setiap anggota kabilah atau suku itu dimestikan pada dirinya untuk mempertahankan atau membela suku kaumnya, sekalipun mereka di pihak yang salah. Perasaan ini telah menimbulkan permusuhan, pergaduhan dan juga perang antara suku kaum dan puak-puak tersebut walaupun kadangkala ianya berpunca dari perkara remeh atau perkara kecil sahaja. Ketaatan dan kesetiaan yang kuat terhadap suku atau kabilahnya telah menyebabkan mereka mempertahankan maruah kabilahnya, dengan rela hati dan tanpa bertanya sebab musababnya, mereka terus menyahut seruan itu sehingga sanggup mati kerananya. Ini bertentangan dengan apa yang telah digariskan oleh Islam supaya mempertahankan kebenaran dan kebaikan sebaliknya menentang kezaliman atau kejahanatan sekalipun ianya berlaku pada pihak diri sendiri. Sikap yang tidak membezakan di antara yang baik dengan yang buruk ini dinamakan “Asabiyah” iaitu sikap fanatik kepada kaumnya sendiri secara membuta tuli dan ianya amat ditentang oleh Islam seperti mana yang dijelaskan dalam hadith Rasulullah SAW :<sup>23</sup>

Maksudnya;

Barang siapa terbunuh di bawah bendera kesombongan (kesesatan), dia menyeru kepada asabiyah atau mempertahankan asabiyah, maka matinya adalah dianggap sebagai mati seorang Jahiliah.

Walaupun demikian, Islam tidaklah menghalang perasaan kasih dan cinta terhadap bangsa, suku kaum atau puak di dalam mempertahankan kehormatan diri, maruah, menegakkan keadilan dan menentang kezaliman dari pihak musuh serta penjajah yang cuba merosakkan agama, bangsa dan negara. Bahkan Islam amat menggalakkan supaya kita sentiasa merasa bangga dengan agama, bangsa, kebudayaan dan bersedia untuk mempertahankan agama iaitu Islam serta sanggup mati kerananya.

Ianya amat berbeza dengan semangat kebangsaan atau nasionalisme yang telah menjadi pegangan sesuatu bangsa sehingga ada di kalangan mereka ini menganggap ianya sebagai pegangan hidup atau agama yang perlu dijaga dan dihormati malah sanggup menyembahnya sebagai sesuatu yang sangat agung. Sebagai contohnya, mereka telah memberikan penghormatan yang berlebihan kepada bendera sehingga peringkat menyembahnya dan mereka juga menganggap para pemimpin itu sebagai matlamat penyembahan mereka dan mati mempertahankan negara itu sama seperti mati mempertahankan agama.<sup>24</sup>

Menurut Sejarah Islam yang lampau, sikap asabiyah ini amat sukar untuk dihapuskan di kalangan masyarakat Arab kerana ianya telah sebat dalam kehidupan mereka sejak dari zaman Jahiliah lagi. Perasaan asabiyah ini telah wujud sejak zaman Jahiliah sehingga pada zaman Rasulullah SAW sendiri pun masih berlaku. Ianya dapat diperjelaskan melalui satu peristiwa

yang telah berlaku dalam peperangan Bani Mustalik, di mana dua orang tentera Islam telah bertelingkah dan berkelahi dalam perebutan untuk mendapatkan bekalan air iaitu seorang tentera dari kaum Muhajirin bernama Jahjah bin Mas'ud Al-Ghfari dan seorang lagi dari kaum Ansar bernama Sinan bin Wabri Al-Juhani. Sikap asabiyah yang telah lama mati itu telah hidup kembali apabila di kalangan mereka cuba membangkitkan soal bangsa dan kaum. Mereka telah melaungkan perkataan asabiyah dengan mengatakan : “Hai orang Muhajirin” dan juga sebahagiannya melaungkan “Hai orang Ansar”. Justeru itu, tentera Islam telah berpecah kepada dua puak atau dua kumpulan, yang mana mereka telah mula untuk berperang dan bergaduh sesama mereka, lalu baginda Rasulullah SAW telah berbincang dan meminta mereka berdamai sambil baginda menyatakan seperti mana dalam sabda Rasulullah SAW:<sup>25</sup>

Maksudnya;

Adakah kamu masih berpegang dengan sikap asabiyah jahiliah sedangkan aku masih berada bersama kamu ? Tinggalkan sikap asabiyah ini kerana ia adalah sangat busuk.

Ibnu Khaldun telah membincangkan dan menghuraikan asabiyah secara agak terperinci, yang mana beliau mengatakan bahawa perkataan “*Asabiyah*” itu adalah berasal dari perhubungan darah daging atau keturunan dan seumpamanya yang mana ianya telah mewujudkan perasaan kasih dan sayang sebagai satu perasaan yang sememangnya wujud dan telah menjadi fitrah dalam diri setiap manusia. Ianya dapat dirasai apabila salah seorang daripada individu yang ada pertalian darah daging dengannya dizalimi atau

disakiti. Ibnu Khaldun banyak mengulas berhubung dengan asabiyah ini dalam bukunya, *Mukaddimah*, antaranya asabiyah itu adalah disebabkan dari percampuran darah daging dan keturunan. Oleh yang demikian, perasaan kasih itu adalah sifat tabii manusia dan sebaliknya tidak mengasih seseorang yang ada pertalian darah itu suatu perkara yang jarang sekali berlaku. Dari hubungan silaturahim itu, lahir perasaan kasih sayang kepada kaum kerabat, sanak saudara dan ahli keluarga ketika mereka ditimpa kezaliman, kebinasaan dan sebagainya.<sup>26</sup>

Ibnu Khaldun juga telah menyorot kembali Sejarah Islam, di mana baginda Rasulullah SAW sendiri pernah berpesan dengan sabdanya:<sup>27</sup>

Maksudnya;

Pelajarilah sebanyak mungkin salasilah keturunanmu sebagaimana perlunya untuk mengukuhkan perasaan pertalian kekeluargaan.

Ini menunjukkan bahawa sesungguhnya keturunan itu memberikan faedah serta manfaat yang besar selagi mana ianya bertujuan untuk tolong menolong dan mengeratkan perasaan kasih sayang antara ahli keluarga. Ibnu Khaldun telah membuat kesimpulan bahawa asabiyah itu adalah perasaan kasih, sayang, belas kasihan yang wujud secara semula jadi atau fitrah dalam setiap diri manusia terhadap keturunan dan ahli keluarganya. Ianya akan membawa kebaikan sekiranya digunakan ke jalan yang baik, sebaliknya membawa kepada keburukan sekiranya ia disalahgunakan.

Asabiyah telah dijadikan oleh Allah SWT dalam diri manusia ini adalah untuk mempertahankan diri, bangsa atau puak daripada serangan musuh. Ini telah terbukti dengan kisah Nabi Yusuf a.s yang telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam firmanNya:<sup>28</sup>

Maksudnya;

Jika dia dimakan oleh serigala, pada hal kami ‘usbah (sekumpulan), sesungguhnya kami, kalau begitu adalah orang yang rugi.

Ibnu Khaldun juga berpendapat bahawa apa yang dijadikan oleh Allah SWT dalam hati hambaNya dengan sifat kasih sayang supaya memberi pertolongan kepada kaum keluarga yang terdekat apabila ditimpa sebarang kesusahan. Sifat ini amat penting khususnya apabila sesuatu puak atau kumpulan itu dizalimi atau ditindas, iaitu mempertahankan kumpulannya tetapi tidaklah mereka menzalimi orang lain atau kumpulan yang lain.<sup>29</sup> Sesungguhnya Allah SWT telah menganugerahkan kepada setiap manusia itu sifat kebaikan dan juga kejahatan. Justeru itu, Ibnu Khaldun mengatakan bahawa kedua-dua sifat ini perlu dipandu oleh agama yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah supaya ianya sentiasa menepati kehendak Allah SWT.

Menurut Ibnu Khaldun, asabiyah ini penting dalam membangunkan diri, masyarakat, bangsa dan negara. Ini adalah kerana pelantikan ketua itu adalah dari kalangan mereka yang berwibawa untuk memimpin dan kewibawaan ini diperkuatkan dengan wujudnya asabiyah kerana asabiyah yang kuat akan memperkuatkan masyarakat dari sebarang bentuk ancaman

musuh. Sesungguhnya kepimpinan itu mestilah diberikan kepada golongan yang kuat asabiyahnya di antara golongan-golongan yang ada dalam masyarakat kerana asabiyah akan mewujudkan persefahaman, kasih sayang, sikap mempertahankan, melindungi, mengawal, menuntut hak, menghindarkan serta menghalang masyarakat dari dizalimi. Oleh kerana itu, sesebuah masyarakat, bangsa dan negara itu dapat dipelihara apabila diserang atau diancam kerana kekuatan asabiyahnya. Sebaliknya golongan yang asabiyahnya rapuh atau tidak kukuh, pastinya akan tunduk kepada golongan yang kuat asabiyahnya.<sup>30</sup>

Kekuasaan sesebuah kerajaan atau kepimpinan itu adalah disebabkan oleh kekuatan kumpulan atau bangsa yang kuat asabiyahnya. Namun, asabiyah yang melampau dan disalahgunakan itu akan memudaratkan atau mendatangkan keburukan yang besar kepada masyarakat, bangsa dan negara itu sendiri. Ini adalah kerana kepimpinan merupakan suatu kedudukan atau jawatan yang terhormat dan juga sering menjadi bahan rebutan masyarakat. Justeru itu, asabiyah yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun ini perlulah dijadikan sebagai asas supaya ianya tidak melampau atau disalahgunakan dari matlamat asabiyah yang asal.

Ibnu Khaldun juga telah memberikan komentar dan pandangannya terhadap asabiyah yang perlu ditolak atau dihindarkan kerana kemudaratannya, keburukannya serta kezaliman terhadap masyarakat khususnya apabila

sesebuah negara itu telah kukuh dan kuat. Asabiyah seperti ini akan timbul apabila kepimpinan negara itu kononnya hanya menjadi milik golongan atau bangsa itu sahaja sehingga ketaatan dan kepatuhan kepada ketuanya itu disamakan dengan ketaatan dan kepatuhannya kepada Allah SWT yang tidak boleh ditentang atau disanggah. Dalam konteks ini, Ibnu Khaldun menentang sekeras-kerasnya asabiyah yang telah dijadikan sebagai akidah atau pegangan hidup sehingga disamakan seperti kepatuhan atau ketaatannya kepada Allah SWT dan kepatuhannya terhadap al-Quran. Asabiyah seperti ini akan menyebabkan perperangan sesama sendiri hanya demi kepentingan kuasa dan kedudukan masing-masing. Sebagai kesimpulannya, sekiranya asabiyah itu lebih dihormati atau disamakan taraf dengan kepatuhannya kepada Allah SWT atau al-Quran, maka akan berlaku pelbagai kezaliman dan kebatilan di dalam masyarakat dan negara tersebut.<sup>31</sup>

Sebaliknya, asabiyah jahiliah pula adalah merupakan suatu semangat perkauman dan ianya amat bertentangan dengan apa yang telah digariskan dalam Islam, seperti mana yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun berhubung dengan asabiyah yang memberikan kesan yang baik. Di antara ciri-ciri asabiyah jahiliah ialah :

- i) Zalim.

Perkataan zalim dari segi bahasa bermakna gelap atau hitam.

Manakala dari segi istilah pula perkataan zalim pula bermaksud tidak ada

keinsafan, meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya, tidak adil dan tidak ada keinsafan.<sup>32</sup> Ibnu Manzur pula berpendapat bahawa perkataan zalim bermakna meletakkan sesuatu perkara bukan pada tempatnya. Asal kezaliman itu adalah penyelewengan dan sesuatu yang melampaui batas.<sup>33</sup> Kezaliman itu dapat dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu :<sup>34</sup>

- a) Kezaliman Manusia Kepada Allah SWT iaitu Kufur, Syirik dan Munafik. Sesungguhnya Allah SWT telah menjelaskan kepada kita dalam al-Quran:<sup>35</sup>

Maksudnya;

Sesungguhnya syirik (mempersekuatkan Allah) itu kezaliman yang amat besar.

- b) Kezaliman Sesama Manusia. Ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya :<sup>36</sup>

Maksudnya ;

Sesungguhnya dosa itu atas orang-orang Yang berbuat zalim kepada manusia dan melampaui batas di muka bumi tanpa hak. Mereka itu mendapat azab yang pedih.

- c) Kezaliman Kepada Diri Sendiri. Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran :<sup>37</sup>

Maksudnya ;

Allah tidak menzalimi (menganiaya) mereka tetapi mereka lahir yang menganiaya diri mereka sendiri.

Sesungguhnya kezaliman yang dimaksudkan di sini adalah membelakangkan serta meninggalkan segala ajaran dan perintah Allah SWT.

ii) Jahiliah (Tiada Kearifan).

Sesungguhnya jahiliah ini tidaklah terikat dengan sesuatu zaman atau masa tetapi ianya dikaitkan dengan sesuatu keadaan atau perlakuan yang mungkin wujud bila-bila masa sehingga hari kiamat. Syeikh Muhammad Qutb berpendapat bahawa jahiliah itu adalah menolak hidayah atau petunjuk dari Allah SWT termasuklah menolak segala suruhan atau perintah serta segala hukum-hakam Allah SWT yang diturunkan untuk kebahagiaan, kesejahteraan dan keamanan hidup manusia di dunia dan akhirat.<sup>38</sup>

Sesungguhnya baginda Rasulullah SAW telah menjelaskan dalam sabdanya :<sup>39</sup>

Maksudnya ;

Barang siapa terbunuh di bawah panji-panji kesesatan,  
menyeru asabiyah atau menolong asabiyah,  
maka matinya itu ialah mati jahiliah.

Dari maksud hadith tersebut, jelas kepada kita bahawa sesiapa yang melakukan kezaliman, maka matinya itu disifatkan sebagai mati jahiliah seperti mana yang dijelaskan di dalam hadith Rasulullah SAW di atas.

iii) Kesesatan.

Sesungguhnya berjuang dalam asabiyah dan hawa nafsu adalah satu kesesatan kerana asabiyah itu tidak jelas dari segi matlamat dan arah tujuannya. Oleh itu, setiap yang bersifat umum dan tiada matlamat atau hanya menurut hawa nafsu semata-mata, maka ianya adalah tergolong dalam kesesatan kerana sesuatu yang hak atau kebenaran itu adalah dari Allah SWT dan bukannya hasil ciptaan manusia. Ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya :<sup>40</sup>

Maksudnya ;

Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, maka  
janganlah sekali-kali kamu menjadi orang-orang  
yang ragu.

FirmanNya lagi :<sup>41</sup>

Maksudnya ;

Dan katakanlah: “Kebenaran itu dari Tuhan  
kamu, maka barang siapa yang ingin beriman,  
dia boleh beriman dan barang siapa yang ingin  
kufur maka ia boleh kafir.

iv) Takbur.

Takbur adalah merupakan salah satu dari sifat atau ciri asabiyah jahiliah. Oleh kerana itu, Islam menentang asabiyah jahiliah yang mana dengan sifat takbur itu akan mewujudkan pelbagai perkara-perkara buruk sehingga ke tahap menzalimi dan sebagainya. Muhammad Qutb berpendapat bahawa takbur itu bermakna menolak hukum Allah SWT sebaliknya mereka

memilih hukum-hakam yang lain bagi mentadbir alam ini kerana dengan menolak hukum Allah bererti kita menerima hukum jahiliah iaitu bersifat zalim dan menurut hawa nafsu semata-mata. Dengan itu, mereka ini hidup dalam keadaan jahiliah.<sup>42</sup>

Asabiyah jahiliah ini boleh berlaku kepada individu, kumpulan, bangsa, masyarakat dan juga negara. Asabiyah jahiliah ditolak dan ditentang hebat oleh Islam kerana ianya telah mengetepikan konsep asal asabiyah iaitu perpaduan, kasih sayang, mewujudkan persefahaman, mempertahankan, melindungi, mengawal, menuntut hak, menghindarkan serta menghalang masyarakat dari dizalimi. Sebaliknya asabiyah jahiliah hanya mengagung-agungkan sifat tercela dan bertentangan dengan fitrah kejadian manusia. Kesimpulannya, apabila asabiyah itu digunakan untuk kepentingan diri, dipegang sebagai akidah dan disamakan taraf dengan ketaatannya terhadap al-Quran atau perintah Allah SWT, maka ianya adalah sesuatu yang bertentangan dengan Syariat Islam dan perlu dihapuskan.

Menurut Ibnu Khaldun lagi, tujuan asabiyah itu adalah untuk kekuasaan bagi melaksanakan sesuatu yang hak di sisi Islam. Asabiyah akan memberi perlindungan, mempertahankan sesuatu kebenaran secara bersama, sanggup mengemukakan tuntutan dan desakan serta kegiatan kemasyarakatan. Sesungguhnya Rasulullah SAW sendiri, dalam menyampaikan dakwah Islamiah, sedikit sebanyak telah mendapat

perlindungan dari fahaman suku ini, terutama di era awal Islam. Ini merujuk kepada peristiwa bagaimana baginda Rasulullah SAW telah mendapat kuasa politik dari Mut'am bin Adi, seorang bangsawan Quraisy yang kafir semata-mata kerana rasa kesukuan ini. Begitu juga kisah tentang bagaimana Bani Hashim yang sedikit sebanyak telah melindungi baginda Rasulullah SAW ketika tercetusnya pemulauan ekonomi ke atas orang-orang Islam di Mekah selama tiga tahun.<sup>43</sup>

Menurut Islam, garis besar yang memisahkan sesuatu bangsa itu adalah agamanya. Oleh itu, krisis antara kaum, dalam sejarah Islam sebenarnya adalah persoalan persaingan etnik bukan nasionalisme. Beberapa pengarang Arab, antaranya Abdul Rahman al Bazzaz dalam bukunya *Hazihi Qaumiyatuna* telah menulis:

*"True nationalism and the genuine Islam cannot go apart and could never be rivals. On the contrary, they go side by side along for paths."*

Kebangsaan yang sebenar dan semangat Islam yang tulen tidak terpisah, malah ianya tidak mungkin akan bersaing sesama sendiri. Malah, nasionalisme dan Islam sering beriringan. Jelasnya, Abdul Rahman al-Bazzaz telah meletakkan faktor kuatnya ikatan sejarah bangsa Arab dengan Islam tidak terpisah. Oleh itu, mencintai Arab adalah serupa sahaja mencintai Islam. Sekurangnya-kurangnya, pandangan beliau tidak seteruk pandangan Sati'al Husri yang melihat agama dan bangsa atau negara itu berbeza. Pandangan sekular yang mengatakan bahawa agama untuk Allah SWT dan negara untuk

masyarakat, nyata bertentangan sekali dengan hakikat Islam.<sup>44</sup> Pandangan Abdul Rahman al-Bazzaz ini adalah pandangan yang menjadi pegangan sebahagian besar masyarakat Melayu di rantau ini sehingga wujud kata-kata bahawa Islam itu Melayu, Melayu itu Islam dan mencintai Melayu adalah mencintai Islam.

### **3.3 HUBBUL WATAN MINAL IMAN MENURUT ISLAM.**

Dalam hubungan kenegaraan, persoalan kasih dan cinta ini ditegaskan oleh baginda Rasulullah SAW sebagai "Hubbul Watan Minal Iman" atau cinta dan kasih kepada negara itu adalah sebahagian daripada tuntutan Iman. Semangat cintakan negara ini adalah antara agenda yang diperjuangkan oleh baginda Rasulullah SAW dan para sahabatnya. Perkara utama yang diperjuangkan oleh Rasulullah SAW ialah mempertahankan kedaulatan negara. Iaitu meletakkan dalam diri bahawa kasih sayang dan sumpah setia harus ditumpahkan kepada negara itu sendiri. Kisah baginda Rasulullah SAW mendengar cerita dari Bilal dan Usail tentang keindahan Mekah lalu baginda mengatakan kepada Usail:

“Wahai Usail, biarkanlah hati-hati ini tenteram”.

Terdapat 5 jenis “Wataniyah” yang dibenarkan oleh Islam seperti mana yang dijelaskan oleh Imam Syahid Hassan al-Banna, iaitu<sup>45</sup> :

- i) *Wataniyyah al-hanin* bermakna kasih sayang adalah semangat cinta kepada tanah air yang sememangnya wujud secara fitrah pada setiap orang dan ianya digalakkan oleh Islam. Ini dapat dilihat dengan kisah Bilal bin Rabah yang

menyatakan kecintaannya kepada tanah Mekah ketika dia berada di Madinah. Begitu juga baginda Rasulullah SAW yang telah menitiskan air matanya apabila mendengar cerita Asil yang menggambarkan keindahan Mekah kerana rasa cinta baginda Rasulullah SAW terhadap bumi kelahirannya.

ii) *Wataniyyah al-Hurriyyah wa al-Izzah* bermakna keagungan dan kemerdekaan adalah rasa tanggungjawab untuk membebaskan tanah air dari kekuasaan asing atau penjajahan dengan meletakkan kemerdekaan serta kemuliaan rakyat untuk membebaskan diri.

iii) *Wataniyyah al-Mujtama'* bermakna kemasyarakatan adalah berusaha untuk menyatupadukan rakyat demi kepentingan bersama.

iv) *Wataniyyah al-Fath* bermakna penaklukan iaitu perjuangan untuk menguasai dunia dengan membawa risalah Allah SWT.

v) *Wataniyyah al-Hizbiyyah* bermakna perkauman iaitu pembahagian umat kepada kelompok-kelompok yang kemudiannya dilaga-lagakan sehingga menyebabkan perpecahan.

Terdapat beberapa ayat al-Quran yang mempunyai hubung kait dan secara tidak langsung ianya telah menerangkan tentang *Hubbul Watan Minal Iman*, antaranya ialah :

i) Firman Allah SWT :<sup>46</sup>

Maksudnya;

Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah  
nasib sesuatu kaum itu kecuali mereka sendiri  
yang mengubahnya.

Huraian ayat :

Setiap bangsa itu mengikut nasib yang dibentuk dan dilaksanakan oleh bangsa itu sendiri. Sekiranya bangsa itu mahukan dirinya diperhambakan, maka mereka akan menjadi hamba, tetapi sekiranya bangsa itu mahukan kebebasan dan kemerdekaan, maka mereka akan bebas dan merdeka. Perasaan atau jiwa inilah yang dikatakan Iman di mana ianya akan mewujudkan semangat atau kekuatan untuk mengubah diri dari kongkongan, belenggu, perhambaan atau penjajahan kepada kebebasan dan kemerdekaan.

ii) Firman Allah SWT :<sup>47</sup>

Maksudnya;

Padahal kamu lahir orang-orang yang paling tinggi  
(darjat) jika kamu orang-orang yang beriman.

Huraian ayat :

Ayat di atas menjelaskan bahawa orang-orang yang beriman itu diletakkan di kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT sehingga sanggup mengorbankan jiwa dan raga demi mempertahankan kemuliaan dan kesucian Imannya kepada Allah SWT. Di samping itu, ianya akan menjadikan iman kita sempurna di sisi Allah SWT.

iii) Firman Allah SWT :<sup>48</sup>

Maksudnya;

Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan RasulNya.

Huraian ayat :

Ayat ini menjelaskan bahawa orang-orang yang amat suka untuk menghalang berkembangnya syariat Islam dan seumpamanya adalah merupakan orang-orang sebenarnya tidak beriman kerana sekiranya dia beriman kepada Allah SWT, pastinya dia akan mengembangkan, memberikan sokongan yang kuat terhadap usaha-usaha untuk meletakkan Islam di puncak yang tertinggi.

iv) Firman Allah SWT :<sup>49</sup>

Maksudnya ;

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ambil teman kepercayaanmu orang-orang di luar kalanganmu kerana mereka tidak henti-henti menimbulkan kemudaratkan bagimu.

Huraian ayat :

Ayat ini mengingatkan orang-orang beriman supaya mereka tidak mengambil orang-orang yang tidak beriman kepada Allah SWT iaitu orang Yahudi sebagai rakan mereka kerana orang Yahudi itu sememangnya membenci dan akan menyusahkan orang-orang yang beriman. Selain itu, ayat ini juga menggesa supaya orang-orang yang beriman berdikari atau berusaha sendiri dan tidak bergantung kepada orang-orang yang tidak beriman kepada Allah SWT.

v) Firman Allah SWT:<sup>50</sup>

Maksudnya ;

Padahal kekuatan itu hanyalah pada Allah,  
bagi RasulNya, dan bagi orang-orang mukmin,  
tetapi orang-orang munafik itu tidak mengetahui.

Huraian ayat :

Ayat ini menjelaskan bahawa kesempurnaan dalam jiwa raga orang yang merdeka yang telah mulia dan menjadi satu bangsa yang berkuasa, bebas dan merdeka. Pada ketika inilah umat atau bangsa itu dapat melaksanakan kehendak Allah SWT sepenuhnya.

vi) Firman Allah SWT:<sup>51</sup>

Maksudnya ;

Kamu adalah umat yang terbaik yang  
dilahirkan untuk manusia menyuruh  
kepada yang makruf dan mencegah dari  
yang mungkar.

Huraian ayat :

Ayat ini menjelaskan tentang matlamat umat untuk melaksanakan tanggungjawab mengajak ke arah kebaikan dan meninggalkan segala bentuk kejahanatan atau kerosakan di alam ini. Dalam konteks ini, terdapat empat perkara yang wajib dipertahankan iaitu agama, kehormatan, harta dan tanah air manakala terdapat empat perkara yang wajib dipelihara iaitu percakapan, kesihatan, rohani dan semangat. Kesimpulannya, apabila bangsa sudah kuat, maka Islam itu mudah untuk dikembangkan dan didaulatkan di dalam negara itu.<sup>52</sup>

### 3.4

### **HUBUNGAN NASIONALISME, ASABIYAH DAN HUBBUL WATAN MINAL IMAN**

Nasionalisme negara Barat mempunyai beberapa persamaan dengan asabiyah jahiliah dari beberapa segi antaranya Liberalisme dan Individualisme, iaitu mahukan kebebasan dari sebarang bentuk undang-undang atau peraturan dalam bidang ekonomi. Manakala Individualisme pula ialah tindakan yang menekankan kebebasan sepenuhnya kepada individu dan tidak terikat dengan individu lain.<sup>53</sup>

Semangat nasionalisme yang wujud sejak abad ke 16 sehingga hari ini lebih menepati dengan bentuk asabiyah jahiliah yang mana ianya telah mendominasikan dasar politik negara-negara di Barat dan juga di Timur. Sesungguhnya nasionalisme adalah sesuatu hal yang baru dalam perbincangan politik dan kenegaraan Islam. Oleh kerana itu, ciri-ciri nasionalisme itu tidak dijelaskan dalam Islam, maka sukar untuk kita menghukumkan sama ada ianya halal atau haram. Namun demikian, terdapat dua kaedah untuk kita memahami konsep nasionalisme iaitu :<sup>54</sup>

- a) Dalam apa-apa perkara yang bukan ibadat khusus, maka hukumnya adalah harus kecuali apa-apa yang ditegah yang mana ianya menjadi haram.
  
- b) Dalam apa-apa perkara ibadah, maka hukumnya adalah haram, melainkan apa-apa yang diperintahkan, ianya menjadi wajib.

Ini bermakna bahawa nasionalisme dalam konteks ini adalah harus kecuali ianya ditegah dan dihukumkan haram seperti asabiyah jahiliah. Nasionalisme yang membawa makna *nationality* (kerakyatan) atau membawa cita-cita asal tidaklah dihukumkan haram kerana ianya mempunyai cita-cita serta hasrat yang baik. Dalam konteks ini, terdapat beberapa ayat al-Quran yang menjelaskan tentang puak, bangsa, golongan dan sebagainya, antaranya ialah :<sup>55</sup>

- a) Rath              ( رَّجْ ) bermakna kumpulan / group / flock / bevy.
- b) ‘Asyirah        ( أَسْرِيَّة ) bermakna clan, tribe.
- c) Sya'b            ( شَعْبٌ ) bermakna bangsa / people / nation.
- d) Qaum            ( قَوْمٌ ) bermakna kaum / people / nation.
- e) Ummah          ( أُمَّةٌ ) bermakna umat / pengikut / nation / followers.

Kesemua perkataan di atas memberikan makna nasionalisme mengikut tafsiran Barat. Oleh itu, nasionalisme atau faham kebangsaan yang mengetepikan dasar-dasar Islam termasuk akidah, syariah dan akhlak, maka ianya dihukumkan haram seperti juga asabiyah jahiliah. Setiap konsep yang hendak diselaraskan mengikut Islam mestilah tidak terkeluar dari tiga asas utama Islam iaitu :<sup>56</sup>

- a) *Ubudiyah* atau pengabdian yang merangkumi *Tauhid Uluhiyyah* dan *Tauhid Rububiyyah*.

- b) Khalifah Allah sebagai pemakmur alam ini.
- c) Konsep *Al-Falah* atau Kejayaan yang meliputi kejayaan di dunia dan di akhirat.

Dalam konteks perjuangan kebangsaan, Islam mestilah diakui sebagai satu sistem dan dasar yang terbaik, di mana Islam mestilah dijadikan asas untuk mencapai matlamat nasionalisme tersebut. Perjuangan ini mestilah bertujuan untuk menegakkan *Tauhid Rububiyyah* di alam ini iaitu mengakui keagungan serta kekuasaan Allah SWT terhadap segala kejadian di alam semesta ini. Ianya amat bertentangan sama sekali dengan nasionalisme moden yang telah dijadikan sebagai ideologi atau pegangan hidup, sehingga disamakan dengan peranan agama dalam kehidupan manusia, khususnya dalam menyelesaikan segala permasalahan manusia itu sendiri. Sesungguhnya tiada sistem yang terbaik selain dari sistem Allah SWT yang dapat mengatur makhluk ciptaanNya di dunia ini.

Pada zaman Rasulullah SAW, baginda telah mempersaudarakan antara kaum Muhajirin dengan kaum Ansar atas dasar pertalian Islam, bukan disebabkan asas yang lain. Baginda Rasulullah SAW juga telah mempersaudarakan Bilal bin Rabah dengan Khalid bin Ruwaihah Al-Khatsma'i, Kharijah bin Zaid dengan Abu Bakar As-siddiq dan antara Ammar bin Yasir dengan Huzaifah bin Al-Yaman. Kesemuanya itu atas dasar persaudaraan Islam.

Pada ketika itu, terdapat salah seorang dari kalangan kaum Muslimin Ansar telah cuba mengagung-agungkan kaumnya dengan menyeru "Wahai kaum Ansar!" dan kaum Muhajirin juga hendak mengunggulkan kaumnya dengan menyeru "Wahai kaum Muhajirin!" maka baginda Rasulullah SAW sangat marah dan bersabda yang bermaksud:<sup>57</sup>

"Barang siapa berperang di bawah bendera kesesatan, dia marah kerana kebangsaannya, menyeru kepada kebangsaan (Asabiyah), atau membela kebangsaan,kemudian ia mati, maka kematianya adalah mati jahiliah." (Riwayat Muslim)

Sesuatu hal yang sangat dikhawatirkan oleh baginda Rasulullah SAW akan menimpa kaum Muslimin ialah timbulnya sikap asabiyah atau fanatik kebangsaan di kalangan mereka seperti yang terjadi di zaman jahiliah, sehingga masyarakat sering berhadapan dengan kezaliman dan ketidakadilan. Oleh itu, baginda Rasulullah SAW telah menyampaikan pesanannya kepada para sahabat dengan sabda baginda: "Janganlah kamu kembali kafir sepeninggalanku nanti, iaitu sebahagian kamu memukul lcher sebahagian yang lain".

Pada masa pemerintahan Khulafa ar-Rashiddin, wilayah Islam lebih luas daripada dua empayar Rom dan Parsi, maka tidaklah ada kelebihan bagi bangsa Arab atas bangsa lain kerana bangsanya, jenisnya atau warna kulitnya, tetapi kelebihan itu hanya diperolehi dengan takwa dan amal soleh. Sebahagian besar ilmuwan Islam yang mahir tentang ilmu-ilmu Islam dan cabang-cabangnya di negeri-negeri Islam ternyata mereka itu bukan dari bangsa Arab kecuali sebahagian kecil sahaja dari kalangan mereka.<sup>58</sup>

**3.5 PANDANGAN PEMIKIR ISLAM TERHADAP NASIONALISME**

Terdapat beberapa pandangan para pemikir Islam yang telah mengulas dan memperkatakan tentang nasionalisme, antaranya ialah :

- a) Abul Ala al-Maududi (1903-1979) berpendapat :<sup>59</sup>

Beliau adalah seorang pemikir dan Ulamak Islam dari Pakistan, telah menerima nasionalisme yang dimaksudkan dengan kewarganegaraan atau bangsa (*nationality*) iaitu perkara yang berhubung dengan sesuatu kawasan. Beliau juga menerima nasionalisme yang bersifat sokongan seseorang terhadap bangsanya tanpa memusnahkan bangsa-bangsa yang lain. Apa yang Al-Maududi tidak bersetuju dengan nasionalisme atau faham kebangsaan atau asabiyah yang fanatik, bersifat kesukuan secara membawa tuli sehingga memandang rendah terhadap bangsa lain dan memihak kepada bangsanya tanpa mengira ianya sesuatu yang hak atau batil (kebenaran atau kebatilan). Begitu juga sekiranya konsep nasionalisme atau faham kebangsaan itu berasaskan kebebasan atau kemerdekaan, maka pastinya tujuannya adalah baik kerana setiap bangsa itu berhak mentadbir serta berdikari untuk membangunkan negaranya sendiri tanpa adanya kongkongan, penjajahan, perhambaan, kekejaman dan kezaliman.

Di India, orang-orang Islam telah membanggakan kebangsaan Indianya. Bahkan ada di antara mereka yang hendak mengalihkan perhatian ke sungai Ganga dengan mengetepikan air Zamzam. Terdapat di antara mereka yang mengatakan bahawa Bahyam, Arjun, Ramha sebagai pahlawan kebangsaan mereka. Tingkah laku dan sikap mereka menjadi sedemikian kerana mereka mendapat inspirasi dari Barat.

Kesimpulannya, Imam Al-Maududi telah membahagikan nasionalisme kepada dua bahagian, iaitu nasionalisme yang tidak bertentangan dengan Islam dan juga nasionalisme yang bertentangan dengan Islam. Beliau telah mengasaskan faham kebangsaan Islam sehingga wujudnya “*Al-Mujtama’ Al-Alami*” yang telah meletakkan manusia di tahap yang sama kecuali mereka yang bertakwa kepada Allah SWT.<sup>60</sup>

Oleh kerana itu, menurut Imam Al-Maududi, tidaklah masuk akal dan tidak mungkin, di kalangan umat Islam ditemukan adanya bermacam-macam faham kebangsaan yang didasarkan pada warna kulit, suku, bahasa, dan tanah air. Begitu juga halnya tidak mungkin ditemukan adanya beberapa negara yang bermacam-macam dalam sebuah negara. Barang siapa yang beragama Islam dan ingin tetap dengan keislamannya, maka ia harus meninggalkan semua asas bukan Islam dari dalam dirinya dan harus memutuskan segala bentuk hubungan yang didasarkan pada warna kulit dan tanah kelahirannya.

b) Al-Syahid al-Imam Hassan al-Banna, tokoh gerakan Islam di Mesir telah berpendapat :<sup>61</sup>

Beliau melihat nasionalisme ini dengan merujuk kepada istilah *Wataniyyah* dan juga *Qaumiyyah*. Beliau membahagikan *Wataniyyah* kepada 5 bahagian, iaitu :

- i) *Wataniyyah al-Hanin* (kasih sayang).
- ii) *Wataniyyah al-Hurriyah wa al-Izzah* (Keagungan dan kemerdekaan).
- iii) *Wataniyyah al-Mujtama'* (Kemasyarakatan).
- iv) *Wataniyyah al-Fath* (Penaklukan).
- v) *Wataniyyah al-Hizbiyyah* (Perkauman).

Dalam konteks Qaumiyyah pula, al-Syahid al-Imam Hassan al-Banna telah membahagikannya kepada dua iaitu Qaumiyyah yang berteraskan Islam dan Qaumiyyah yang bertentangan dengan Islam. Konsep Qaumiyyah yang berteraskan kepada Islam terbahagi kepada tiga iaitu :<sup>62</sup>

- i) *Qaumiyyah al-Majd* (Kegemilangan) iaitu mengikuti jejak generasi silam dalam usaha mencapai kegemilangan dan kemuliaan atau menjadikan generasi silam itu sebagai sumber inspirasi dan teladan.

ii) *Qaumiyyah al-Ummah* (Umat) iaitu memberi keutamaan kepada golongan kerabat dari segi khidmat dan pembelaan.

iii) *Qaumiyyah Tanzim* (Peraturan) iaitu mengagihkan peranan di kalangan berbagai-bagai kelompok dalam rencana menuju kemenangan.

Manakala *Qaumiyyah* yang bertentangan dengan Islam pula dibahagikan kepada dua bentuk iaitu:<sup>63</sup>

i) *Qaumiyyah Jahiliah* iaitu mengembalikan cara hidup jahiliah dan membebaskan diri dari ikatan Islam atau mengembalikan nama qaumiyyah dan kebanggaan bangsa seperti mana yang telah dilakukan oleh beberapa buah negara yang telah menghapuskan segala bentuk yang bersifat Islam.

ii) *Qaumiyyah al-'Udwan* (Permusuhan) iaitu kebanggaan bangsa sehingga membawa kepada permusuhan atau penindasan serta kezaliman terhadap bangsa-bangsa lain seperti yang telah dilakukan oleh nasionalisme Jerman dan Itali.

Beliau membuat kesimpulan bahawa nasionalisme itu mengandung aspek positif dan juga negatif. Islam boleh menerima aspek-aspek positifnya dan mestilah menghindarkan aspek-aspek yang negatif. Al-Imam Al-Syahi

Hasan Al Banna begitu mengambil berat dalam menyatukan kefahaman di antara umat Islam dan supaya terhindar dari setiap perkara yang menimbulkan kesukaran dalam memahami lafaz, perselisihan atau perpecahan, kita dapati apabila beliau bercakap tentang nasionalisme, sufi, salafiah dan sebagainya, beliau sentiasa mengatakan:

*"Jika yang dimaksudkan dengan nasionalisme itu begitu dan begini, maka kami bersama dengan nasionalisme. Namun, jika dimaksudkan dengan makna yang lain dari itu, kami tidak bersamanya sama sekali".*

Kita tidak pernah mendengar beliau menghentam mana-mana jemaah secara terus terang, tanpa membataskan maksudnya terlebih dahulu. Jadi beliau mengembalikan kita kepada "hakikat sesuatu perkara", maka dengan itu jelaslah makna yang dimaksudkan dan dapat mengurangkan jurang perselisihan sesama kita.<sup>64</sup>

c) Rashid Rida :<sup>65</sup> Beliau adalah anak murid kepada Syeikh Muhammad Abduh, yang mana beliau telah memberikan pendapatnya dalam konteks nasionalisme, patriotisme dan semangat kesukuan. Beliau menegaskan bahawa Islam melarang keras konsep berpuak-puak dan berpecah belah sesama mereka hanya semata-mata mempertahankan kepentingan puak, kawasan dan juga negara. Menurutnya, umat Islam wajib memerangi dan menghalau orang-orang asing yang menyerang negara mereka sehingga ke peringkat wajib untuk berjihad mempertahankannya. Semangat patriotisme seperti inilah yang dituntut oleh Islam. Dari perspektif Islam, orang-orang Islam perlu melindungi orang-orang bukan Islam yang berada di bawah

kekuasaan pemerintahan Negara Islam. Mereka mendapat hak yang sama sebagai warganegara dari sudut keadilan, kehakiman, mencari rezeki dan sebagainya. Secara umumnya, Rashid Rida menerima nasionalisme yang bersifat positif sebagai asas kepada pemerintahan negara Islam.

d) Prof Ismail Faruqi<sup>66</sup> pula berpendapat bahawa semangat nasionalisme adalah sesuatu yang berbeza dengan semangat patriotisme yang mana nasionalisme merupakan sebahagian dari unsur etnosentrisme yang akhirnya mewujudkan racism yang angkuh. Oleh kerana itu, beliau menjelaskan bahawa patriotisme adalah perasaan cinta dan tanggungjawab terhadap bangsa dan negara yang positif serta dituntut oleh Islam. Malah Islam telah menentukan peraturan serta panduan bagi melaksanakan semangat patriotisme bagi mencapai matlamatnya berdasarkan tuntutan Islam itu sendiri. Berbakti kepada bangsa dan berkhidmat untuk negara adalah satu kewajipan menurut Islam. Pengabaian atau pengkhianatan terhadap tanggungjawab tersebut adalah suatu kesalahan yang akan dihukum di dunia dan hukuman di sisi Islam.

e) Dr Muhammad Iqbal<sup>67</sup> pula berpendapat bahawa semangat nasionalisme adalah sesuatu yang dibawa dan diperkenalkan oleh Barat. Nasionalisme yang diamalkan di Eropah telah membawa unsur-unsur materialisme yang mengancam kesejahteraan dan keamanan manusia sejagat. Ini adalah kerana ianya telah dipisahkan dari agama dan meletakkan negara

bangsa sebagai puncak kesetiaan. Nasionalisme itu juga mewujudkan perasaan bangga diri iaitu perasaan lebih hebat dan agung dari bangsa-bangsa lainnya. Prinsip-prinsip Islam dan prinsip-prinsip Barat mengenai masalah kebangsaan ini bertentangan sama sekali. Barat memandang kebangsaan ini sebagai sumber kelemahan dan kehinaan umat Islam yang mana beliau ada menyatakan : "Janganlah kamu menjadikan bangsa Barat sebagai kaca perbandingan bagi umatmu, sebab umat Rasul SAW itu sangat unik susunannya. Persatuan mereka hanya didasarkan kepada kebangsaan dan keturunan, sedangkan persatuanmu bertumpu pada kekuatan agama." Namun demikian, penubuhan Pakistan itu sendiri adalah hasil pemikiran beliau dan ianya juga adalah sebahagian dari bentuk nasionalisme yang diselaraskan dengan kehendak Islam.

f) Prof Dr Muhammad Abdul Rauf, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia berpendapat<sup>68</sup> bahawa konsep Barat yang sempit tentang nasionalisme tidak mendapat tempat di negara-negara Islam. Fahaman politik yang diamalkan di negara Barat adalah untuk mengatasi keadaan yang kurang baik semasa zaman kegelapan di Eropah. Kesetiaan adalah kepada negara manakala kedaulatan adalah di tangan rakyat dan wakil-wakil rakyat bertanggungjawab kepada rakyat. Majlis perwakilan rakyat bebas di dalam membuat undang-undang tanpa merujuk kepada mana-mana pihak atau panduan. Walau bagaimanapun, nasionalisme adalah suatu sentimen yang semula jadi, cinta serta kesetiaan kepada tanah air sendiri adalah konsisten

dengan semangat Islam. Menggerakkan semangat untuk menghalang penjajahan kuasa luar dengan apa cara sekalipun adalah selaras dengan konsep *Izzah* (kehormatan diri) yang dinyatakan oleh Allah SWT. Dalam nasionalisme barat, manusia tidak wajib taat atau patuh kepada Tuhan kerana mereka bebas menggubal undang-undang untuk dilaksanakan di dalam sebuah negara bangsa (*nation state*). Konsep kebebasan ini ditentang dan dikutuk oleh Islam seperti mana yang dinyatakan di dalam firman Allah SWT :<sup>69</sup>

Maksudnya :

Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu. Jika berpaling dari hukum Allah, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah menghendaki akan menimpakan musibah kepada mereka disebabkan sebahagian dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia adalah orang-orang yang fasiq. Apakah hukum jahiliah yang mereka kehendaki dan hukum siapakah yang lebih baik daripada hukum Allah bagi orang-orang yang yakin.

g) Dr Burhanuddin al-Helmy pernah menegaskan dalam ucapan beliau di Kongres Parti Islam Se Malaysia 1964 :<sup>70</sup>

*"Biarlah saya mengambil peluang mengingatkan lagi kepada bangsa-bangsa di dunia ini bahawa Melayu adalah nama satu bangsa, yang mempunyai kebudayaan dan tanah airnya sendiri. Menghapus nama rupa bangsa Melayu adalah satu pengkhianatan politik kepada bangsa Melayu.*

Dr Buhanuddin al-Helmy telah cuba mengulas pandangan Ibnu Khaldun terhadap konsep nasionalisme seperti yang telah ditulis dalam bukunya "*Muqaddimah*" yang mana menurut Ibnu Khaldun, unsur penting dalam patriotisme ialah nasionalisme. Beliau berpendapat bahawa nasionalisme Melayu yang dibawanya tidak termasuk dalam asabiyah jahiliah

yang sempit. Asabiyah disamakan dengan perkauman yang sempit kerana wujudnya perasaan taksub atau fanatik secara membuta tuli seperti mana yang diamalkan oleh bangsa Arab Jahiliah. Beliau telah menjelaskan tentang nasionalisme yang dijadikan sebagai ideologi politik dan ianya perlu disesuaikan dengan Islam. Ideologi adalah perkataan Greek iaitu “*Ideo*” yang bermakna fikiran manakala “*Logos*” pula bermakna perbahasan. Ianya membawa maksud ilmu yang membahaskan atau membincangkan tentang falsafah pemikiran dan cita-cita. Begitu juga dengan perkataan “Politik” adalah perkataan Greek yang bermakna Bandar, negara dan bijaksana.

Beliau meletakkan politik yang dibawanya tidak sama seperti politik Barat. Ianya telah disesuaikan dengan Islam kerana politik Islam berdasarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Justeru itu, beliau berpendapat bahawa kebangsaan Melayu atau nasionalisme Melayu yang merupakan ideologi politik mestilah disesuaikan dan selari dengan kehendak Islam. Ini adalah kerana agama itu tidak boleh disesuaikan dengan politik, sebaliknya politik itulah yang mesti disesuaikan dengan Islam. Dalam hubungan ini, beliau berpendapat bahawa politik dan nasionalisme Melayu itu tidak bercanggah dengan Islam selagi ianya menepati kehendak dasar-dasar Islam.

Justeru itu, nasionalisme Melayu yang dianjurkan oleh Dr Burhanuddin al-Helmy bertujuan untuk melahirkan individu yang beriman, bertakwa, berbudi bahasa, bersopan santun, beradab dan berakhlak mulia.

### **3.6 KESIMPULAN BAB**

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dinyatakan bahawa nasionalisme yang berteraskan kepada Islam atau membawa cita-cita mendaulatkan Islam adalah tidak bertentangan dan ianya boleh dilaksanakan sebaliknya nasionalisme yang hanya mementingkan sesuatu bangsa, keturunan, puak atau kaum tertentu sehingga melihat bangsa serta kaum lain itu sesuatu yang tidak perlu dihargai yang akhirnya mewujudkan kezaliman, penindasan, perkauman sempit, kesombongan melulu dan mementingkan bangsa sendiri maka ianya amat bertentangan dengan Islam. Oleh kerana nasionalisme itu sering berubah-ubah mengikut tafsiran dan juga perubahan zaman, maka ianya hendaklah disesuaikan dengan perjuangan menegakkan Islam. Bukan semua nasionalisme itu serasi atau sehaluan dengan Islam dan tidak semua nasionalisme itu puia bertentangan dengan Islam. Maka adalah penting untuk menerima atau menolak nasionalisme itu juga hendaklah dikaji dari segi dasar, matlamat serta perlaksanaan nasionalisme itu sendiri.

Tidak salah kita mencintai dan berbakti kepada bangsa dan negara kerana semangat patriotisme atau wataniah itu merupakan suatu tuntutan Islam. Namun, kecintaan dan bakti yang dilaksanakan itu tidak mengetepikan keadilan, kebenaran, persaudaraan dan kemanusiaan sejagat.

Menurut Ibnu Khaldun, unsur penting dalam patriotisme ialah nasionalisme yang mana menurut beliau ciri-ciri nasionalisme barat ialah :

- 1) Percaya seseorang itu perlu menjaga dan membela rakan senegaranya dari orang asing, tidak kira samada rakan dia benar atau salah.
- 2) Mengagung-agungkan pahlawan-pahlawan dan wira negara seolah-olah ianya satu amalan yang wajib diwarisi .
- 3) Menghidupkan budaya atau adat lampau walaupun ianya bercanggah dengan agama.
- 4) Kecenderungan untuk mengubah sejarah lampau dan membuat cerita palsu untuk menunjukkan suku kaum mereka sahaja yang berjasa selama ini.
- 5) Nasionalisme seperti fahaman lama *Totenism*, di mana terdapat beberapa simbol yang dianggap agung dan suci seperti bendera dan lagu.

### **NOTA HUJUNGAN BAB 3 :**

1. Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*, (Kuala Lumpur : Darulfikir, cetakan 12, 2001), Surah Saba', ayat 28.
2. Ibid, Surah al-Hujurat, ayat 13.
3. Abdul Rahman Tariq, *Hadith Shu'ul Iman : 101 saying of the holy Prophet*, (Lahore : 1959), hal. 13.
4. Tabari, Annales, *Prima Series II*, hal 1015-1016, E.J. Brill, 1964, dan R.A Nicholson, *A Literary History of the Arabs*, (London : Cambridge, 1962), hal. 69.
5. Ibid, hal. 70.
6. Ibid, hal. 71.
7. Ibid, hal. 73.
8. Ibid, hal 74.
9. Ibid, hal. 75.
10. Ibid, hal. 76.
11. Ibnu Manzur, *Lisan al-Arab*, 18 jilid, (Mesir: Al-Matbaah al-Misriyyah, 1300H), hal 92.
12. Jubran Masud, *Al-Raid Mukjam Lughawi Asri Ruttibat Mufradatuhi wafqan li Hurufiha al-Ula*, Cet.2, (Beirut : Dar al-Ilm li al-Malayin, 1967), hal. 1028.
13. Al-Munjid Fi Lughah wa al-Ilam, hal.508. Lihat juga op.cit., Ibnu Manzur, 15 Jilid, hal. 602-608.
14. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah Al-Qasas, ayat 76.
15. Ibnu Manzur, op.cit., hal 92.
16. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah Yusuf, ayat 8.
17. Ibid, Surah Yusuf, ayat 14.
18. Ibid, Surah An-Nur, ayat 11.

19. Al-Munziri, *Mukhtasar Sahih Muslim*, tahkik Muhammad Nasir al-Din al-Bani, Kitab Imarah, Bab: Fi man Kharaja Min Taah wa Faraqa al-Jamaah, hadith no. 1232.
20. Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, 2 Jilid, Kitab al-Fitan, Bab: al-Asabiyyah, 2, hal.1302 hadith no.3948.
21. Ibnu Majah, op.cit., hal.1302 hadith no.3949.
22. Sunan Abu Daud, jilid 4, hal 451, hadith no. 5119.
23. Ibnu Majah, op.cit., hal.1302 hadith no.3950.
24. Edward Mc Nall Burns, *Ideas In Conflict*, (London : 1963), hal. 465.
25. Ibnu Majah, op.cit., hal.1302 hadith no.3949. Lihat juga Kamal H.T, *Asabiyyah dalam Konteks Islam*, suntingan Yusope Hj Wanjor, Cet. Pertama, (Kuala Lumpur : Thinkers Library Sdn Bhd, 1986), hal. 55.
26. Ibnu Khaldun, *Mukaddimah*, terj., Cet 1, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Pustaka, 1993), hal. 94.
27. Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, 2 Jilid, Kitab al-Fitan, Bab: al-Asabiyyah, 2, hal.1302 hadith no.3950.
28. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah Yusuf, ayat 14.
29. Ibnu Khaldun, op.cit., hal. 95.
30. Ibid, hal. 99.
31. Ibid, hal. 100.
32. Jubran Mas'ud, op.cit., hal 987.
33. Ibnu Manzur, op.cit., hal 95.
34. Muhammad Qutb, *Jahiliyyah al-Qarn al-Isyrin*, (Beirut : Dar as-Syuruk, 1964), hal.15.
35. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah Luqman, ayat 13.
36. Ibid, Surah as-Syuura, ayat 42.

37. Ibid, Surah ali-Imran, ayat 117.
38. Muhammad Qutb, op.cit., hal.16.
39. Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, Juzuk 3, 2 Jilid, Kitab al-Fitan, (Mesir: Isa al-Babi al-Halabi wa Syurkah, 1953), hal.302.
40. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah al-Baqarah, ayat 147.
41. Ibid, Surah al-Kahfi, ayat 29.
42. Muhammad Qutb, *Fi Zilal al-Quran*, 8 Jilid, Beirut:Dar al-Syuruk, 1978, 4:1892.
43. Muhammad Qutb, op.cit., Jahiliyyah al-Qarn al-Isyrin, hal.17.
44. Ibid, hal 20.
45. Imam Syahid Hassan al-Banna, *Majmuk al-Rasail*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, t.tarikh), hal 115.
46. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah ar-Ra'd, ayat 13.
47. Ibid, Surah al-Baqarah, ayat 139
48. Ibid, Surah al-Mujadalah, ayat 22
49. Ibid, Surah ali-Imran, ayat 118
50. Ibid, Surah al-Munafiqun, ayat 8
51. Ibid, Surah ali-Imran, ayat 110
52. Kamaruddin Jaffar, *Burhanuddin al-Helmy: Politik Melayu Dan Islam*, (Kuala Lumpur : Yayasan Anda, 1980), hal.196.
53. Abu Bakar Hamzah, *Islam dan Faham Kebangsaan*, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Dan Arus Politik Kebangsaan, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 3-4 Mei 1985, hal.24.
54. Richard Neiburh , *The Structure of Nations and Empire*, (New York : Charles Scribner's Sons, 1959), hal. 201)
55. Ibid, hal 25.

56. Abdul Karim Zaidan, *Usul al-Dakwah*, 2 jilid, jilid 1, (Baghdad: Matbaah Salman al-Azmi, 1973), hal. 8.
57. Al-Munziri, *Mukhtasar Sahih Muslim*, op.cit., hadith no. 1232
58. Abdul Karim Zaidan, op.cit., hal. 24.
59. Abu Ala al-Maududi, *Baina ad-Dakwah al-Qaumiyyah wa al-Rabitah al-Islamiyyah*, (Beirut: Dar al-Arabiyyah, t.tarikh), hal. 36.
60. Abu Ala al-Maududi, *Al-Islam wa al-Madaniyyah al-hadith*, terj. Marzuki Mahmod, *Islam Dan Kemajuan Moden*, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984), hal.14.
61. Hassan al-Banna, *Mamu'ah Rasail*, (Beirut : Muassasah al-Islamiyyah, 1981), hal. 19.
62. Ibid, hal 20.
63. Ibid, hal 21.
64. Ibid, hal 23.
65. Rashid Rida, *Patriotism, Nationalism and Group Spirits in Islam*, edited by J.J Donohui, J.L Esposito, *Islam in Transition Muslim Perspectives*, (New York : Oxford University Press, 1982), hal. 57-59.
66. Ismail Raji al-Faruqi, *Islamization of knowledge : General Principles and Workplan*, (Marryland : International Institute of Islamic Thought, 1982), hal 35.
67. Dr Siddiq Fadhil, *Minda Melayu Baru*, Cet 1, (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD), 1992), hal 5.
68. Prof Muhammad Abdul Rauf, *Konsep Negara Islam*, Kertas kerja pada 22 Sept 1985 di Petaling Jaya, Selangor, hal.15.
69. Sheikh Abdullah Basmeih, op.cit, Surah al-Maidah, ayat 49-50.
70. Dr Burhanuddin al-Helmy, dalam Suntharalingam op.cit hal.47-48, lihat juga Ahmad Boestamam, Dr Burhanuddin al-Helmy, *Putera Setia Melayu Raya*, (Kuala Lumpur : Pustaka Kejora, 1972), hal. 229.